

**D.R. 21/2009**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2009.

**Pindaan seksyen 3**

**2.** Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990 [Akta 439] dipinda dalam subseksyen 3(1) dengan menggantikan perkataan "empat ratus" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "dua ribu".

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990 ("Akta 439").

1. *Fasal 1* memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(1) Akta 439 untuk mengadakan peruntukan bagi kenaikan elaun kenangan daripada RM400 sebulan kepada RM2,000 sebulan yang bermula dari 1 Julai 2009.

***IMPLIKASI KEWANGAN***

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

**[PN(U<sup>2</sup>)2701]**